



JPA.BK(S)223/8/2-3 Jld.4(56)

07 Jun 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg./YB Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**TANGGUNGJAWAB PEGAWAI AWAM DALAM MEMELIHARA
INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM SEMASA MENGGUNAKAN
KEMUDAHAN MEDIA SOSIAL DI INTERNET**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg./YB Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, kemudahan media sosial seperti *Facebook, Twitter, Youtube, Blog, WhatsApp* dan medium interaksi lain di internet kini telah menjadi suatu kemudahan yang penting dan meluas penggunaannya di kalangan rakyat Malaysia termasuk pegawai awam. Penggunaan kemudahan tersebut mempunyai pelbagai kelebihan antaranya sebagai medium perbincangan dan perkongsian ilmu mahupun mempromosikan apa-apa inisiatif dan produk. Agensi-agensi Kerajaan juga telah mengambil manfaat daripada kemudahan ini untuk menyampaikan maklumat atau berhubung terus dengan pelanggan dan rakyat.

3. Jabatan Perkhidmatan Awam telah menerima banyak maklum balas dan aduan mengenai penglibatan pegawai awam yang memberi pandangan negatif terhadap dasar Kerajaan dengan menggunakan media sosial tersebut. Perbuatan ini adalah bertentangan dengan peraturan 19(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A)395/1993] berhubung dengan tegahan

membuat pernyataan awam iaitu pegawai awam tidak boleh, secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu atau yang boleh memalukan atau memburukkan Kerajaan atau membuat ulasan mengenai apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan atau mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

4. Di samping itu, adalah diperingatkan bahawa pegawai awam juga tertakluk kepada beberapa peruntukan dalam P.U(A)395/1993 seperti berikut:

- a) Peraturan 4(1) iaitu seseorang pegawai awam hendaklah pada setiap masa memberikan taat setianya kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan;
- b) Peraturan 4(2)(d) iaitu pegawai awam tidak boleh berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan nama dan mencemarkan nama perkhidmatan awam; dan
- c) Peraturan 21(1) dan (2) iaitu Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dilarang sama sekali mengambil bahagian dalam politik manakala Pegawai Kumpulan Sokongan dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah hanya boleh memegang jawatan dalam politik setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Setiausaha Kementerian mengikut mana yang berkenaan.

5. Kesemua peraturan di atas adalah bertujuan untuk mempertahankan prinsip '*neutrality*' dan '*impartiality*' dalam perkhidmatan awam. Oleh yang demikian pegawai awam hendaklah melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat tanpa sebarang *bias* kepada mana-mana pihak. Di samping itu, peraturan di atas juga berlandaskan kepada konsep integriti bagi memastikan perkhidmatan awam benar-

benar merupakan perkhidmatan yang berkecuali terhadap mana-mana pihak, kumpulan termasuk gerakan, fahaman dan parti politik.


6. Pegawai awam adalah diingatkan supaya memelihara integriti sepanjang masa dan sentiasa berusaha meningkatkan produktiviti dan hasil kerja ke arah yang lebih baik dan melangkaui kebiasaan. Perkara ini hanya akan tercapai sekiranya pegawai awam dapat memberi fokus atau tumpuan sepenuhnya terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Penggunaan kemudahan media sosial tanpa batasan dan kawalan hanya menimbulkan implikasi negatif terutamanya di tempat kerja kerana secara tidak langsung ia akan mengurangkan fokus atau tumpuan pegawai terhadap tugas hakiki yang dipertanggungjawabkan. Sebarang komen/pernyataan/isu yang menyentuh perkara-perkara yang boleh menjejaskan imej dan dasar Kerajaan, maklumat berbentuk fitnah, hasutan dan lucah atau cuba memprovokasikan sesuatu isu yang menyalahi peraturan dan undang-undang atau perkara yang menyentuh sensitiviti individu atau kumpulan tertentu yang boleh menimbulkan suasana yang tidak harmoni hendaklah dielakkan.

7. Sehubungan dengan itu, semua Ketua Jabatan adalah diminta untuk memberi perhatian serius terhadap perkara ini dengan sentiasa memperingatkan warga Jabatan, melaksanakan pemantauan dan mengambil tindakan yang tegas sekiranya berlaku sebarang pelanggaran terhadap perkara ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)